International Journal of
Arabic, Linguistic and
Literature

Jurnal iJALAL
Pusat Pendidikan ICESCO di MALAYSIA
E-ISSN: 3083-8622
2025, Bilangan 2, Isu 2, Halaman 118-131

KEPENTINGAN EFIKASI KENDIRI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

THE IMPORTANCE OF SELF-EFFICACY IN LEARNING ARABIC AT HIGHER EDUCATION INTSTITUIONS

Hairun Najuwah Jamali[1*], Ku Fatahiyah Ku Azizan[2]

[1] Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, hairunnajuwah@uis.edu.my
[2] Pensyarah Kanan, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, kufatahiyah@uis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 6 Okt 2025 | *Selepas Pembetulan: 3 Dec 2025* | *Diterima untuk terbit: 5 Dec 2025*

Abstrak

Efikasi kendiri merupakan salah satu konstruk teras dalam Teori Kognitif Sosial yang merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaan diri dalam merancang dan melaksanakan tindakan bagi mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks pembelajaran bahasa, efikasi kendiri berperanan sebagai pemangkin kepada keyakinan pelajar, sekali gus mempengaruhi motivasi, usaha dan ketekunan mereka. Makalah ini membentangkan sorotan konseptual tentang efikasi kendiri berdasarkan kerangka Teori Kognitif Sosial oleh Bandura (1997), serta meneliti kaitannya dengan pembelajaran bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi. Perbincangan menekankan bagaimana efikasi kendiri menyumbang kepada keterlibatan dan ketahanan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatan ini diharapkan dapat memberi panduan berguna kepada para pendidik dalam merangka strategi pengajaran yang dapat meningkatkan efikasi kendiri pelajar, seterusnya memperkukuh keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi.

Kata kunci:

Efikasi Kendiri, Pembelajaran bahasa Arab, Institut Pengajian Tinggi

Abstract

Self-efficacy is one of the core constructs in Social Cognitive Theory, referring to an individual's belief in their ability to plan and execute actions to achieve specific goals. In the context of language learning, self-efficacy serves as a catalyst for student confidence, thereby influencing their motivation, effort, and persistence. This paper presents a conceptual review of self-efficacy based on the framework of Bandura's Social Cognitive Theory (1997), and examines its relevance to Arabic language learning in institutions of higher education. The discussion highlights how self-efficacy contributes to students' engagement and resilience in the process of learning Arabic. The findings are expected to provide useful guidance for educators in designing teaching strategies that can enhance students' self-efficacy, thereby improving the effectiveness of Arabic language teaching and learning at the tertiary level.

Keywords

Self-efficacy, Arabic Language, Learning, Higher Education Instituions

1. Pendahuluan

Penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing dalam kalangan pelajar merupakan satu elemen penting dalam sistem pendidikan tinggi, khususnya dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dalam konteks globalisasi dan keperluan pasaran kerja. Di Malaysia, bahasa Arab bukan sahaja mempunyai nilai linguistik dan komunikatif, malah turut berperanan sebagai bahasa ilmu, agama, dan budaya yang mendalam, terutama dalam dunia Islam. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT) semakin mendapat perhatian sebagai satu komponen penting dalam pembinaan kemahiran insaniah dan intelektual pelajar.

Selaras dengan aspirasi untuk melahirkan pelajar yang holistik dan seimbang, beberapa IPT di Malaysia telah menetapkan bahasa Arab sebagai salah satu subjek wajib universiti yang perlu diambil oleh semua pelajar, tanpa mengira latar belakang pengajian mereka. Menurut Dolah (2015) antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia yang menawarkan program sijil peringkat tinggi seperti diploma dan sarjana muda dalam bahasa Arab ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) serta 16 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta Islam (IPTSI). Pelaksanaan subjek ini membuka peluang kepada pelajar untuk mengenali dan menguasai bahasa Arab dalam pelbagai konteks. Namun begitu, keperluan ini juga menimbulkan cabaran, terutamanya bagi pelajar yang tidak mempunyai asas atau minat terhadap bahasa tersebut. Hal ini sering kali menjejaskan tahap motivasi, pencapaian, dan keberkesanan pembelajaran.

Dalam menghadapi cabaran ini, efikasi kendiri menjadi faktor psikologi yang kritikal dalam menentukan sejauh mana pelajar dapat menyesuaikan diri dan berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab. Efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaan dirinya untuk merancang dan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi mencapai matlamat tertentu (Bandura, 1997). Pelajar yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi lebih cenderung untuk berusaha, bersikap positif, dan tidak mudah putus asa dalam menghadapi kesukaran pembelajaran.

Sebagai komponen utama dalam Teori Kognitif Sosial, efikasi kendiri menekankan interaksi dinamik antara individu, tingkah laku, dan persekitaran. Dalam konteks pembelajaran bahasa, efikasi kendiri berperanan penting dalam mempengaruhi tahap motivasi, penggunaan strategi pembelajaran kendiri, dan daya tahan pelajar terhadap cabaran linguistik. Oleh yang demikian, memahami konsep efikasi kendiri dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di IPT sama ada di pihak pelajar mahupun para pendidik amat penting bagi memastikan kejayaan pelajar dalam memenuhi keperluan akademik universiti.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk membincangkan konsep efikasi kendiri berdasarkan kerangka Teori Kognitif Sosial oleh Bandura (1997), serta meneliti peranan dan kepentingannya dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai antara subjek wajib di Institut Pengajian Tinggi. Perbincangan ini dijangka dapat memberi implikasi berguna kepada para pendidik dalam merangka strategi pengajaran yang menyokong pembangunan efikasi kendiri pelajar, seterusnya memperkukuh keberkesanan pembelajaran bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi.

2. Kajian Literatur

2.1 Efikasi Kendiri dan Teori Kognitif Sosial

Albert Bandura (1997) telah memperkenalkan konsep efikasi kendiri dalam kerangka Teori Kognitif Sosial. Efikasi kendiri menekankan interaksi dinamik antara individu, tingkah laku dan persekitaran. Efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan seseorang terhadap keupayaannya untuk melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi mencapai hasil tertentu. Terdapat empat sumber utama dalam pembentukan efikasi kendiri iaitu pencapaian diri sendiri, pencapaian orang lain, pemujukan diri dan sosial dan keadaan fisiologi dan emosi. Menurut Bandura (1997), tahap efikasi kendiri yang tinggi akan mempengaruhi motivasi, daya tahan, serta pencapaian seseorang dalam pelbagai konteks termasuk pembelajaran. Sumber-sumber efikasi kendiri pula

membentuk persepsi individu terhadap keupayaan kendiri, dan seterusnya mempengaruhi prestasi serta penglibatan dalam aktiviti pembelajaran.

Menurut Bandura (1986), dalam kerangka interaksi dinamik antara individu, tingkah laku dan persekitaran, individu dilengkapi dengan lima keupayaan asas yang membolehkan mereka mengarahkan tindakan secara kendiri. Keupayaan tersebut ialah keupayaan simbolik, keupayaan berfikir ke hadapan, keupayaan pengawalan kendiri, keupayaan pemerhatian tidak langsung dan keupayaan refleksi kendiri. Dalam kalangan kelima-lima keupayaan ini, keupayaan refleksi kendiri dianggap sebagai elemen terpenting dan paling berpengaruh dalam menentukan tingkah laku manusia. Refleksi kendiri membolehkan individu menilai, mentafsir, dan menilai semula motivasi, pemikiran serta tindakan mereka secara kritikal. Antara faktor penentu kepada refleksi kendiri ialah efikasi kendiri, yang merupakan ramalan yang kukuh terhadap pencapaian dan kejayaan seseorang individu.

2.2 Efikasi Kendiri dan Pembelajaran Bahasa

Beberapa teori pemerolehan bahasa menunjukkan bahawa pencapaian akademik dipengaruhi oleh efikasi kendiri kerana ia mempengaruhi ketekunan, usaha, dan pengaturan kendiri pelajar, yang seterusnya membawa kepada hasil pembelajaran yang lebih positif (Graham, 2022). Pelajar boleh membantu diri mereka mencapai matlamat dengan mengenal pasti keperluan bahasa dan mentakrifkan sebab mereka ingin mempelajari bahasa tersebut. Mempunyai matlamat dan jangkaan meningkatkan motivasi, yang akhirnya membawa kepada peningkatan kompetensi bahasa (Manipol, L. K. D., N. Nasrullah, Jumariati, 2024).

Dalam bidang pembelajaran bahasa kedua atau asing, efikasi kendiri telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar, pemilihan strategi pembelajaran, dan sikap terhadap subjek. Kajian oleh Mills, Pajares, dan Herron (2007) mendapati bahawa tahap efikasi kendiri pelajar dalam kursus bahasa Perancis mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan pencapaian akademik dan motivasi pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang percaya kepada keupayaan mereka cenderung untuk lebih tekun dan bersungguh dalam usaha menguasai bahasa.

Rahimi dan Abedini (2009) pula meneliti hubungan antara efikasi kendiri dan kefahaman mendengar dalam kalangan pelajar EFL (English as a Foreign Language), dan hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar dengan efikasi kendiri tinggi lebih berjaya dalam tugasan mendengar, kerana mereka lebih berani menghadapi cabaran dan tidak mudah berputus asa. Sementara itu, kajian oleh Yang (1999) menunjukkan

bahawa kepercayaan pelajar terhadap keupayaan mereka dalam bahasa asing mempengaruhi pemilihan strategi pembelajaran dan penggunaan sumber.
Berdasarkan dapatan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa efikasi kendiri merupakan faktor psikologi yang signifikan dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing kerana ia mempengaruhi motivasi, ketekunan, dan penggunaan strategi pembelajaran yang berkesan. Kajian terdahulu seperti oleh Mills, Pajares, dan Herron (2007), Rahimi dan Abedini (2009), serta Yang (1999) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai efikasi kendiri tinggi lebih cenderung mencapai keputusan akademik yang baik, menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai, dan tidak mudah berputus asa dalam menghadapi cabaran bahasa. Graham (2022) pula menegaskan kepentingan memahami konsep efikasi kendiri yang sebenar serta peranannya dalam meningkatkan kawalan kendiri pelajar terhadap pembelajaran. Sementara itu, ulasan oleh Manipol et al. (2024) menyokong bahawa gabungan efikasi kendiri dan motivasi mampu mendorong pelajar menetapkan matlamat pembelajaran yang jelas, seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Oleh itu, ini membuktikan bahawa efikasi kendiri bukan sahaja mempengaruhi aspek kognitif, tetapi juga aspek afektif dan tingkah laku dalam pemerolehan bahasa. Justeru, memandangkan kepentingan efikasi kendiri dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua, adalah wajar untuk meneliti kedua-dua faktor ini dalam konteks berkenaan.

2.3 Efikasi Kendiri dan Pembelajaran Bahasa Arab

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, terdapat beberapa kajian berkaitan efikasi kendiri pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Kajian Ghazali et al (2011) di UiTM melibatkan 445 pelajar kursus bahasa Arab mendapati secara keseluruhannya tahap efikasi kendiri dalam pembelajaran bahasa Arab adalah tinggi. Namun, efikasi kendiri khusus untuk menguasai kemahiran lisan bahasa Arab adalah sederhana. Kajian ini mengesyorkan pengukuhan konsep efikasi kendiri serta penggunaan bahan pembelajaran autentik bagi meningkatkan kemahiran oral bahasa Arab.

Seterusnya kajian Nik Hannan et al (2013) yang menggunakan instrumen Arabic Language Efficacy Questionnaire (ALEQ) untuk mengkaji efikasi kendiri dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini mendapati terdapat korelasi positif antara efikasi kendiri dalam kemahiran membaca, menulis, dan tatabahasa dalam bahasa Arab. Kajian ini turut menyatakan bahawa penyelidikan efikasi kendiri dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih lagi di peringkat awal.

Manakala kajian Nadiah (2016) yang melibatkan 278 pelajar pengkhususan bahasa Arab di universiti Islam mendapati tahap efikasi kendiri bertutur bahasa Arab adalah sederhana. Terdapat perbezaan signifikan efikasi kendiri mengikut tahun pengajian, menandakan efikasi kendiri bertambah seiring peningkatan tahun pengajian. Kajian ini menekankan pentingnya efikasi kendiri dalam memperkukuh penguasaan bertutur bahasa Arab.

Selain itu, kajian Afandi et al (2020) mendapati tahap efikasi kendiri pelajar tinggi manakala kebimbangan bahasa pada tahap sederhana. Terdapat hubungan negatif signifikan antara efikasi kendiri dan kebimbangan bahasa, menunjukkan pelajar dengan efikasi kendiri tinggi kurang mengalami kebimbangan dalam pembelajaran bahasa Arab. Bagi menyokong kajian tersebut, kajian Taat & Ariffin (2020) turut mendapati efikasi kendiri berperanan penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab murid. Pelajar dengan efikasi kendiri tinggi cenderung lebih berjaya dalam akademik termasuk bahasa Arab.

Kajian Jamali (2023) merakamkan tahap efikasi kendiri pelajar dalam kelas bahasa Arab adalah sederhana. Kajian ini mencadangkan agar guru yang mengajar bahasa Arab lebih memahami emosi pelajar ketika mempelajari bahasa ini. Guru juga dicadangkan agar lebih peka kepada sumber-sumber efikasi kendiri yang boleh membantu pelajar meningkatkan efikasi kendiri mereka seterusnya mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Secara tuntasnya, kesemua kajian-kajian di atas menegaskan bahawa efikasi kendiri adalah faktor psikologi penting yang mempengaruhi keberhasilan pembelajaran bahasa Arab sama ada dalam aspek penguasaan bahasa dan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Peningkatan efikasi kendiri berpotensi memperkukuh motivasi, keyakinan dan daya usaha yang membawa kepada hasil pembelajaran yang lebih baik. Hal ini sejajar dengan kajian Chua, Tee dan Khoo (2018) dalam (Paslan, 2025) yang menunjukkan bahawa modal psikologi, yang meliputi efikasi kendiri dan harapan, bertindak sebagai pelindung terhadap tekanan akademik dalam kalangan pelajar Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan untuk meninjau kepentingan efikasi kendiri dalam pembelajaran bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Maklumat berkaitan efikasi kendiri dalam pembelajaran bahasa Arab

di IPT dikumpul dan dinilai menerusi kajian-kajian lampau seperti jurnal, artikel mahupun buku.

4. Efikasi Kendiri dan Pembelajaran Bahasa Arab di IPT

4.1 Pembelajaran Bahasa Arab di IPT

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia merupakan salah satu bahasa yang sama pentingnya selain bahasa Inggeris dan lainnya. Bermula dari pembelajaran tidak formal di institusi pondok dan madrasah, kemudian berkembang kepada pelbagai cabang subjeknya hingga ke hari ini (Rosni, 2009). Di peringkat institusi pengajian tinggi, bahasa Arab ditawarkan dalam pelbagai variasi struktur program akademik yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency - MQA) sama ada di peringkat sarjana muda Bahasa Arab (Muhammad Sabri, Nurkhamimi dan Mohd Shahrizal, 2016) ataupun sarjana muda Bahasa Arab dengan bidang pendidikan (Muhammad Sabri dan Ilyani Syiham, 2019).

Bagi peringkat pengajian tinggi, banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menawarkan program pengajian bahasa Arab secara akademik seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) turut bersama dalam membuka ruang pengajian bahasa Arab di Malaysia kepada pelajar masing-masing. Hal ini dapat dilihat apabila beberapa buah institusi pengajian tinggi swasta yang berorientasikan agama menawarkan pengajian bahasa Arab khususnya kepada para pelajar diploma dan ijazah pertama. Antara institusi-institusi tersebut ialah Al-Madinah International University (MEDIU), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UNISHAMS), Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UIPSAS), Universiti Islam Selangor (UIS), Universiti Islam Sultan Azlan Shah (UISAS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kolej Islam Antarabangsa (IIC), dan lain- lain (Muhammad Sabri, 2022).

Justeru, dapat difahami bahawa kurikulum bahasa Arab sudah tidak asing di IPT di Malaysia. Selain mempelajari bahasa Arab sebagai salah satu program pengkhususan di peringkat diploma dan Sarjana Muda mahupun pascasiswazah, bahasa ini juga merupakan modul wajib di beberapa buah IPTA dan IPTS Islam.

4.2 Kepentingan Efikasi Kendiri dan Pembelajaran Bahasa Arab

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, efikasi kendiri merupakan antara elemen yang penting dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab pelajar di peringkat IPT (Ghazali et al (2011); Nik Hannan et al (2013); Nadiah (2016); & Jamali (2023). Hal ini kerana efikasi kendiri menyumbang kepada dorongan psikologi pelajar dalam menghadapi kesukaran ketika mempelajari bahasa Arab. Kepentingan efikasi kendiri dalam pebelajaran bahasa Arab boleh dinyatakan seperi berikut :

4.2.1 Sumber Motivasi

Mempelajari bahasa terutamanya bahasa asing memerlukan faktor dalaman yang penting iaitu motivasi. Pengkaji Maimun et al. (2014), Kamarul Syukri et al. (2012) dan Rosni Samah (2014) (sebagai dipetik dari Aisyah S. 2017) menyatakan bahawa tahap motivasi dalam kalangan pelajar juga merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Justeru, motivasi dikatakan mempunyai pengaruh yang sangat besar tehadap kejayaan pembelajaran bahasa kedua. Motivasi juga merupakan satu elemen penting yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif disamping menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam keadaan yang berkesan dan bermakna.

Dapatan kajian Nur Afifah et al (2022) menunjukkan hubungan antara motivasi pelajar dengan penguasaan bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif menunjukkan bahawa lebih tinggi darjah motivasi, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab.

Berbalik kepada objektif perbincangan berkaitan kepentingan efikasi kendiri, Bandura (1986) menyatakan efikasi kendiri memberikan kesan kepada motivasi individu dan mendefinisikan efikasi kendiri sebagai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan individu.

Efikasi kendiri dan motivasi adalah dua aspek psikologi yang saling berkait dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi

biasanya lebih bermotivasi dalam pembelajaran mereka kerana mereka yakin dengan kebolehan diri untuk berjaya. Sebaliknya, motivasi yang tinggi juga boleh meningkatkan tahap efikasi kendiri. Sokongan daripada guru sangat penting dalam membina kedua-dua aspek ini melalui pujian, sokongan, dan penilaian terhadap kepercayaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa (Nur Hasimah (2017); Nadiah (2016) & Siti Fatimah et al (2019).

Dalam hal ini, menurut kajian Yahya et al (2023), guru merupakan individu yang turut menyumbang kepada sumber efikasi dan motivasi pelajar. Guru mempunyai peranan besar dalam meningkatkan efikasi kendiri dan motivasi pelajar dengan menggunakan strategi pengajaran yang berkesan, pengurusan bilik darjah yang baik, dan penglibatan aktif pelajar. Persekitaran pembelajaran yang menyokong dan positif juga membantu pelajar merasa lebih yakin dan bermotivasi untuk terus belajar bahasa Arab. Hal ini seiring dengan salah satu sumber efikasi kendiri iaitu pemujukan diri dan sosial. Melalui sumber ini, efikasi kendiri seseorang akan lebih meningkat apabila seseorang yang lebih dihormati menyatakan dengan penuh yakin bahawa anda boleh dapat mengendalikan satu-satu situasi dengan jayanya (Nadiah, 2016).

Selain itu, hubungan sosial turut menyumbang kepada peningkatan efikasi kendiri seperti dapatan kajian Shao dan Kang (2022), hubungan rakan sebaya didapati mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran melalui peranan mediasi efikasi kendiri dan daya tahan akademik. Ini menunjukkan bahawa jaringan sosial yang positif bukan sahaja berfungsi sebagai sokongan emosi, malah mengukuhkan keyakinan pelajar dalam menghadapi cabaran akademik (Paslan, 2025).

Kesimpulannya, efikasi kendiri memainkan peranan penting sebagai sumber motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang yakin terhadap kebolehan diri cenderung untuk lebih bermotivasi dan mencapai prestasi yang lebih baik. Hubungan antara efikasi kendiri dan motivasi adalah saling melengkapi. Peningkatan dalam satu aspek boleh menyumbang kepada peningkatan dalam aspek yang lain. Kajian menunjukkan bahawa guru dan hubungan sosial dengan rakan sebaya turut memainkan peranan penting dalam menyokong dan mengukuhkan efikasi kendiri serta motivasi pelajar melalui strategi pengajaran yang berkesan dan persekitaran pembelajaran yang positif. Oleh itu, pembinaan efikasi kendiri dalam kalangan pelajar harus diberi perhatian dalam usaha meningkatkan motivasi dan keberhasilan penguasaan bahasa Arab.

4.2.2 Ketahanan Menghadapi Kesukaran Bahasa

Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, bahasa Arab merupakan salah satu subjek bahasa asing yang perlu dipelajari di kebanyakan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Islam Swasta sebagai subjek wajib mahupun elektif. Umum juga mengetahui bahawa pembelajaran bahasa Arab adalah kompleks yang melibatkan beberapa faktor seperti tatabahasa (Mustafa, 2022) kosa kata, kolokasi, pengetahuan liguistik dan kefahaman budaya. Hal ini merupakan antara cabaran pelajar dalam menguasai bahasa Arab (Kamaruddin et al, 2025)

Ketika menghadapi kesukaran pembelajaran, efikasi kendiri merupakan antara sumber daya ketahanan yang penting bagi seorang pelajar. Kajian menunjukkan bahawa individu dengan efikasi kendiri yang tinggi mempunyai keyakinan diri yang kuat untuk mengatasi halangan dan kesukaran dalam proses pembelajaran. Mereka mempunyai daya tahan diri dan bangkit kembali ketika menghadapi tekanan akademik dan cabaran pembelajaran (Nuramirah N. & Norzaini (2021); Paslan, 2025). Mereka juga dapat mengurus emosi, tekanan dan cabaran kognitif dalam pembelajaran bahasa dengan lebih baik seterusnya kurang terkesan secara negatif terhadap tekanan akademik (Zulkefly & Baharudin, 2010).

Bagi matlamat pembelajaran jangka panjang, mempelajari bahasa asing memerlukan keazaman yang tinggi. Oleh itu, kajian Schunk dan Pajares (2002) membuktikan pelajar yang mempunyai efikasi kendiri tinggi lebih cenderung untuk menetapkan matlamat pembelajaran jangka panjang, dan mereka menunjukkan keazaman yang tinggi untuk mencapainya walaupun menghadapi kegagalan kecil. Contohnya ketika memahami gagal memahami teks bahasa Arab yang panjang atau tidak mendapat skor ujian yang memuaskan, efikasi kendiri akan menggalakkan mereka untuk bangkit semula dan memperbaiki kelemahan.

Dalam konteks pembelajaran bahasa dan bahasa Arab, kajian Nadiah (2016) menggariskan bahawa efikasi kendiri yang tinggi sangat penting untuk membantu pelajar mengatasi cabaran dalam pembelajaran bahasa Arab dan meningkatkan kemahiran bahasa mereka. Selain itu, faktor guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi dan kepercayaan diri pelajar melalui pujian dan sokongan bagi memperbaiki keberkesanan pembelajaran Bahasa Arab (Nur Hasimah et al 2017). Kajian-kajian ini turut disokong oleh kajian Taat & Ariffin (2020) yang menekankan pentingnya efikasi kendiri sebagai kepercayaan individu terhadap kemampuan diri untuk mencapai matlamat akademik, khususnya dalam penguasaan

bahasa. Manakala kajian Afandi (2020) mendapati efikasi kendiri yang tinggi dapat mengurangkan kebimbangan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Secara keseluruhannya, efikasi kendiri merupakan elemen yang penting sebagai sumber daya ketahanan dalam menghadapi cabaran pembelajaran bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi. Efikasi kendiri mampu mendorong pelajar cekal menghadapi cabaran kognitif yang kompleks terutamanya dalam bahasa Arab. Justeru, efikasi kendiri wajar diberi penekanan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh dan berdaya tahan.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kertas kerja ini telah membincangkan konsep efikasi kendiri berdasarkan Teori Kognitif Sosial oleh Bandura (1997). Menerusi empat sumber efikasi kendiri yang telah dinyatakan, adalah diharapkan agar pihak guru dapat membangunkannya dalam diri pelajar. Hal ini kerana akan mendorong pelajar lebih berkeyakinan dan mempunyai kepercayaan diri bahawa mereka mampu mempelajari serta menguasai bahasa Arab.

Perkongsian hasil tinjauan lieratur berkaitan efikasi kendiri dan pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab dalam kertas kerja ini jelas menunjukkan kepentingannya untuk para pelajar. Dapatan kajian-kajian literatur terdahulu bersetuju bahawa elemen efikasi kendiri melalui empat sumbernya mampu meningkatkan kepercayaan diri pelajar dalam meningkatkan keupayaan diri untuk menguasai bahasa Arab. Efikasi kendiri adalah antara pencetus motivasi dan daya ketahanan diri pelajar ketika menghadapi kesukaran pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan lebih bersemangat untuk belajar dan mengharungi kesukaran berbanding dengan yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah.

Justeru itu, penekanan terhadap efikasi kendiri dalam diri pelajar perlu diambil kira oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan pelajar seperti Institusi Pendidikan dan guru. Dua aspek psikologi ini iaitu efikasi kendiri dan motivasi boleh membantu untuk membentuk sahsiah pelajar yang berdaya saing dan berdaya tahan ketika mendepani cabaran dan kesukaran. Hal ini sejajar dengan hasrat Institut Pengajian Tinggi yang ingin melahirkan individu yang holistik dan seimbang dari segi sahsiah dan akademik.

Rujukan

Afandi.Y , N.M Rahimi. N.Y & Harun.B. (2020). Efikasi Kendiri Dan Kebimbangan Bahasa Dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Agama. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education. Vol. 4, No. 1 (2020), 35-47.

Aisyah. S., Maimun A. L., Harun. B. & M. S. Kamis. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), 1(2): 102-112.

Bandura, A. (1986). Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory. New Jersey: Prentice Hall.

Bandura. A. (1997). Self-efficacy The Exercise of Control. New York:W.H Freeman & Co.

Dolah, H. (2015). نحو إصلاح التعريف بمداخل المعاجم العربية الملايوية الثنائية للطلبة في الدراسات العربية والإسلامية / Towards improving the definition of the entries of Arabic Malay Dictionaries for the Students of Arabic and Islamic Studies. مجلة الدراسات اللغوية والأدبية *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 6(2).

Ghazali, Y., N.M.Rahimi, N. Y., Parilah, M. S., Wan Haslina, W., & Ahmed Thalal, H. (2011). Kepercayaan jangkaan keupayaan kendiri dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1), 81–96.

Graham, S. (2022). Self-efficacy and language learning–what it is and what it isn't. *Language*
Learning Journal, 50(2), 186–207.

Jamali, H.N. (2023). Tahap Efikasi Kendiri Akademik Dan Faktor Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Semester Satu Pengajian Islam KUIS. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan - PASAK8*.

Kamaruddin, K., Abu Bakar, M., & Aziz, N. I. (2025). Cabaran Dan Strategi Penguasaan Bahasa Arab Dalam Program Diploma Pengajian Islam: Kajian Di UniSHAMS. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 10 (57), 801-823.

Manipol, L. K. D., N. Nasrullah, Jumariati. (2024). Analysis of Self Efficacy and Motivation as contributing factors in Second Language Acquisition: A Literature Review Acitya: *Journal of Teaching & Education*, Vol. 6 No. 1,1-18.

Mercer.S & Wlliams. M. (2014). Multiple Perspectives on the Self in SLA.

Mills, N., Pajares, F., & Herron, C. (2006/2007). *A reevaluation of the role of anxiety: Self-efficacy, anxiety, and their relation to reading and listening proficiency*. Foreign Language Annals, 39(2), 276–294.

Muhammad Sabri.S., Nurulhuda.O., & Ilyani Syiham.M. (2022). Kajian Rintis Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Arab Bagi Tujuan Ibadah Dalam Kalangan

Pelajar Dewasa Di Umcced, Universiti Malaya. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*. Vol.4. No.2. 1-15.

Muhammad Sabri, S., Nurkhamimi, Z. & Mohd Shahrizal, N. (2016). Program Akademik
Bahasa Arab Ijazah Sarjana Muda Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Analisis Awal Terhadap Respons Pelajar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol., 3 Bil. 2, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Muhammad Sabri, S. dan Ilyani Syiham, M. (2019). Tinjauan Respons Pelajar Terhadap Program Akademik Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 6 Bil 1, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Mustafa, A. (2022). Challenges in Learning Arabic: The Role of Translation Tools. International Journal of Arabic Studies, 15(3), 119-133.

Nadiah. M.A. (2016). Tahap Persepsi Pelajar Bahasa Arab Terhadap Efikasi Kendiri Dalam Membaca. Tesis Sarjana. UPM.

Nur Afifah. F., Nuraznan.J. & Maryam M.R. (2022). Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Kesidang Journal*. Volume 7 2022: 194-210.

N.Hasimah. A., C. Radiah. M., N. Farhan.M. (2017). Tahap Persepsi Pelajar Bahasa Arab Terhadap Efikasi Kendiri Dalam Membaca. *Jurnal Al Sirat*. Vol. 1. No. 16. (2017), 48-60.

Nuramirah. N. Z. & Norzaini. A. (2021). Daya Tahan dan Motivasi Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik Covid- 19 Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(10). 41- 53.

Nik Hanan, M., Nik Farhan, M., Nadwah, D., & Mahmud, A. W. (2013). Arabic Language Efficacy Questionnaire (ALEQ): Assessing Self-Efficacy and Achievement. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 155–167.

Paslan, N. A. (2025). Daya Tahan Diri: Aspek Kejayaan Akademik Pelajar di Universiti. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 10 (58), 142-159.

Rahimi, A., & Abedini, A. (2009). *The interface between EFL learners' self-efficacy concerning listening comprehension and listening proficiency*. Novitas-ROYAL, 3(1), 14–28.

Rosni, S. (2009). Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Shao, Y., & Kang, S. (2022). The Association Between Peer Relationships and Learning Engagement Among Adolescents: The Chain Mediating Roles Of Self Efficacy And Academic Resilience. Frontiers in Psychology, 13, 938756.

Schunk, D. H. & Pajares, F. (2002). *The development of academic self-efficacy*. In A. Wigfield & J. S. Eccles (Eds.), *Development of Achievement Motivation* (hal. 15–31). San Diego, CA: Academic Press.

Siti Fatimah.R, Nornajihah. M.N., Nur Fatanah M.N., & Harun B. (2019). Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET), 159-169.

Taat, M. S., & Ariffin, A. (2020). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling,* 5 (35), 10-20.

Yang, Nae-Dong. (1999). *The relationship between EFL learners' beliefs and learning strategy use*. System, 27(4), 515–535.

Yahya, N., Baharudin, H., & Hamzah, M. I. (2023). Efikasi Kendiri Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab: (Teacher's Self Efficacy in Teaching Arabic Language). *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 2(1), 10–17.

Zulkefly, N. S. & Baharudin, R. (2010): *Using the 12-item General Health Questionnaire (GHQ-12) to assess the psychological health of Malaysian college students. Global Journal of Health Science*, 2(1), 73–80